



29 Ogos 2017
29 August 2017
P.U. (A) 248

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH HAD LAJU TEMPATAN (JALAN PERSEKUTUAN) (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) 2017

LOCAL SPEED LIMIT (FEDERAL ROADS) (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU TEMPATAN (JALAN PERSEKUTUAN) (MALAYSIA BARAT)
(PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Had Laju Tempatan (Jalan Persekutuan) (Malaysia Barat) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Ogos 2017.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Had Laju Tempatan (Jalan Persekutuan) (Malaysia Barat) 1992 [*P.U. (A) 462/1991*] dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) di bawah kepala “NEGERI SEMBILAN”, dengan menggantikan butiran 28 dengan butiran yang berikut:

<i>(1)</i> <i>Nama jalan dan lokasi</i>	<i>(2)</i> <i>Had laju (km/j)</i>
“28. Laluan 11 - Lebuhraya Bahau - Keratong dari simpang empat Bandar Seri Jempol U 2.88756, T 102.410053 sehingga sempadan Jempol/ Rompin U 2.903058, T 102.642655 (jarak sepanjang 26.33 km)	80”; dan